



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

STEM SHOWCASE BERSEMPENA PROGRAM MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2026 ZON UTARA: DARI PENGGUNA KEPADA PENCIPTA TEKNOLOGI: PEMBANGUNAN BAKAT MUDA JADI TUMPUAN MSN 2026

SEBERANG PERAI, JUN 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah melaksanakan STEM SHOWCASE bersempena Program Minggu Sains Negara (MSN) 2026 anjuran Rakan MySains MOSTI iaitu Tech Dome Penang. Majlis peluncuran tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ruziah binti Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), MOSTI bertempat di Sekolah Menengah Jit Sin II, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang.

Program MSN 2026 merupakan inisiatif utama Kerajaan bagi menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Menurut YBhg. Dato' Ruziah binti Shafei, cabaran terbesar kita dalam pembangunan bakat bukan lagi isu infrastruktur, tetapi kualiti dan kelangsungan bakat tempatan dalam menghadapi dunia serba pantas. Maka, sebagai menyediakan bakat masa hadapan yang lebih kukuh dan berdaya saing, program-program pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) yang dilaksanakan oleh MOSTI seperti Program MSN ini menjadi tunjang utama dalam memupuk minat bakat - bakat muda dalam bidang STI.

Penganjuran karnival sains secara fizikal tersebut diadakan di lima (5) lokasi strategik seluruh negara (Utara, Selatan, Timur, Sabah, dan Sarawak) bermula Jun hingga Oktober. Zon Utara iaitu Pulau Pinang menjadi zon utama pelaksanaan sebagai sebuah negeri yang mempunyai ekosistem industri teknologi tinggi yang memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti utama seperti semikonduktor, *advance packaging* dan pelbagai teknologi tinggi yang lain.

Penganjuran MSN 2026 Zon Utara turut akan memperlihatkan kolaborasi erat antara MOSTI dengan **Rakan MySains** iaitu Tech Dome Penang, industri-industri sekitar Pulau Pinang dan lain - lain lagi. Penganjuran kali ini juga memperlihatkan satu elemen baharu iaitu advokasi nuklear yang memaparkan tentang teknologi nuklear dan manfaatnya kepada rakyat.

Melalui Karnival Minggu Sains Negara 2026, MOSTI komited untuk meningkatkan literasi masyarakat terhadap kepentingan STI sebagai pemacu kesejahteraan dan kualiti hidup selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

27 JUN 2026